



## جابتني أقسام إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(73)

Tarikh: 3 Safar 1447H  
28 Julai 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

|               |  |
|---------------|--|
| <b>Tarikh</b> | <b>1 Ogos 2025 / 7 Safar 1447</b>                          |
| <b>Tajuk</b>  | <b>Wakaf: Meneguh Amal Jariah – Menjamin Kesinambungan</b> |

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Perak

s.k      Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "WAKAF: MENEGUH AMAL JARIAH – MENJAMIN KESINAMBUNGAN"

1 Ogos 2025 / 7 Safar 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>۱</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>۲</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>۳</sup> أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "WAKAF: MENEGUH AMAL JARIAH – MENJAMIN KESINAMBUNGAN"

Firman Allah SWT, melalui ayat 92 surah Ali-Imran:

﴿لَنَ تَأْلُوا إِلَّرَحَقَّ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ عَلِيمٌ﴾

Bermaksud: Kamu tidak sekali-kali dapat mencapai (hakikat) kebaikan yang sempurna sehingga kamu membelanjakan sebahagian daripada harta yang kamu sayangi. Dan apa-apa sahaja yang kamu belanjakan itu sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

Wakaf bermaksud sesuatu yang diberikan atau didermakan untuk kegunaan orang ramai. Menurut pengertian istilah syarak wakaf adalah menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya, dengan menyerahkan hak miliknya, untuk manfaat umum, sebagai sedekah jariah demi mendekatkan diri dengan Allah SWT.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Wakaf merupakan amal jariah yang sangat dituntut dalam Islam. Allah SWT memuliakan para pewakaf kerana harta yang diinfakkan membolehkan manfaat yang berkekalan malah menjamin kesinambungan manfaat untuk kegunaan awam. Jika seseorang mewakafkan sebahagian hartanya lalu digunakan dan dimanfaatkan oleh orang ramai, pahalanya kekal walaupun pewakaf telah meninggal dunia, selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٌ جَارِيَّةٌ ، وَعِلْمٌ يَنْتَفَعُ بِهِ ،  
وَوَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ

Bermaksud: "Apabila mati seseorang anak Adam maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan doa anak soleh yang mendoakan ibu bapanya". (Hadis Riwayat Muslim)

### Jemaah yang dimuliakan,

Melalui wakaf, manfaat harta yang disumbangkan boleh dijana dan dikembangkan. Tanah kosong boleh dibangunkan untuk memberikan manfaat ekonomi dan sosial. Wang tunai boleh dilaburkan untuk menampung kos pengurusan dan pembangunan masyarakat. Institusi wakaf hari ini telah berkembang menjadi satu buah pusat pembiayaan yang boleh mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan atau pinjaman.

Wakaf juga berperanan besar dalam memperkuuh kesejahteraan sosial. Melalui dana wakaf, bantuan dapat disalurkan kepada golongan fakir miskin, pelajar yang sedang menuntut ilmu, mangsa bencana, orang kurang upaya, ibu tunggal serta anak yatim. Wakaf menjadikan masyarakat saling menyantuni dan membantu, lantas menjalin hubungan kasih sayang dan membina perpaduan ummah.

Bentuk wakaf pada hari ini telah banyak berubah, tidak terbatas kepada wakaf berbentuk fizikal seperti tanah, bangunan, atau harta tetap, di sebaliknya, wakaf kini bergerak bersama-sama dengan perkembangan kemajuan teknologi dan keperluan masyarakat semasa.



Salah satu bentuk wakaf yang semakin mendapat tempat dalam kalangan umat Islam ialah wakaf tunai. Ummah boleh berwakaf dalam bentuk wang tunai. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 sehingga 12 April 2007, memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai dibolehkan dalam Islam.

Pendekatan ini membuka ruang lebih luas, membolehkan setiap lapisan masyarakat turut serta dalam amalan wakaf, serta berpotensi memperkuuh dana kebajikan ummah secara lebih mampan dan berterusan.

**Jemaah yang dilimpahi fadilat llahi,**

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), melalui Wakaf Perak Ar Ridzuan menawarkan enam teras utama berwakaf, iaitu Teras Tunai (Wakaf Am), Teras Agama (Program Tahsin Al-Quran Warga Emas & Projek Surau Bergerak), Teras Pendidikan (Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar & Wakaf Dana Pembangunan Maahad Tahfiz), Teras Ekonomi (Pusat Perniagaan Wakaf), Teras Kesihatan (Wakaf Hemodialisis) dan Teras Kebajikan & Kemaslahatan Ummah (Rumah Transit Wakaf & Mesin Layan Diri).

Dalam tahun 2025, MAIPk merancang membina Pusat Hemodialisis di Teluk Intan dan Kuala Kangsar, Bangunan Kediaman Pelajar Kolej Poly-Tech Mara Ipoh, Rumah Transit Simpang Lima berhampiran Hospital Parit Buntar dan menyediakan mesin dobi layan diri serta mesin minuman dan makanan di beberapa tempat.

**Muslimin Rahimakumullah,**

Enakmen Wakaf (Perak) diluluskan oleh Dewan Negeri Perak pada 23 November 2015 dan mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2016. Berdasarkan enakmen tersebut, MAIPk selaku pemegang amanah tunggal diberi kuasa penuh ke atas semua harta meliputi wakaf am atau wakaf khas; menegaskan bahawa segala tindakan dan keputusan penting tentang aset wakaf perlu dilakukan melalui MAIPk sebagai pihak yang bertanggungjawab, demi memastikan urus tadbir yang teratur, mengikut undang-undang dan berlandaskan syariat.



Pengurusan wakaf MAIPk menekankan bahawa setiap sumbangan pewakaf, walau sekecil mana, ialah aset berharga yang boleh dikembangkan untuk memberi manfaat kepada masyarakat merangkumi kegiatan-kegiatan agama, pendidikan, kesihatan, ekonomi, kebaikan dan kemaslahatan ummah.

Fokus utama MAIPk ialah mengurus dan mengembangkan harta wakaf secara profesional, telus dan strategik untuk menjamin limpahan pahala yang berterusan kepada pewakaf, bahkan menjadi pemangkin pembangunan negeri yang lebih baik seterusnya menjamin kesinambungan kesejahteraan ummah dan diberkati llahi. **Jemaah Rahimakumullah** Mimbar memperingatkan empat perkara berikut:

**Pertama:** Berwakaf adalah amalan mulia yang sangat dituntut, memberikan manfaat untuk kepentingan awam dan insya-Allah diganjari kebaikan di dunia dan di akhirat.

**Kedua:** Penting untuk ummah berwakaf melalui Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak kerana pengurusan harta dijamin kekal manfaat dan tujuannya sesuai dengan niat pewakaf.

**Ketiga:** Ummah diseru menyokong usaha menjayakan program dan projek Wakaf Perak Ar-Ridzuan dan berwakaf kepada MAIPk menerusi pelbagai kaedah yang disediakan, termasuk melalui skim potongan gaji bulanan atau pembayaran secara dalam talian. Maklumat mengenai kaedah berwakaf boleh diperoleh melalui laman sesawang wakafperak.gov.my atau merujuk ke pejabat MAIPk yang berhampiran.

**Keempat:** Jawatankuasa Kariah masjid dan surau diseru untuk menyemak dan mengemas kini status perwakafan tanah tapak masjid dan surau masing-masing bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit berkait pemilikan tanah.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْوَى بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّتْهُمْ عَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin** Bukakan pintu hati kami untuk terus istiqamah melakukan amalan berzakat dan berwakaf di jalan Mu ya Allah, demi kebaikan dan kemaslahatan ummah. Dengan harta yang kami infak, Engkau permudah segala urusan kami, lapangkan jiwa kami, berkat rezeki kami dan mudahkan perjalanan kami menuju syurga Mu.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ**  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُلُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.